

TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR
MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA NAIB CANSOLOR UniMAP SEMPENA
MESYUARAT MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM)
5 APRIL 2007

Saudari Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Hassan Said

Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi merangkap
Pengerusi Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dato' Mohd Idris Salleh

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana MAPIM

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia

Pengarah Penerbitan

Institusi Pengajian Tinggi Awam
Dewan Bahasa dan Pustaka
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
Institut Tadbiran Awam Negara
Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
International Institute of Islamic Thought

Exco Naib Canselor

Ketua-ketua Jabatan

Yang Berbahagia Dato', Datin, Tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin sekalian.

ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat menganjurkan majlis makan malam sempena penganjuran Mesyuarat MAPIM untuk kali pertama pada tahun 2007 di Universiti Malaysia Perlis.

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan di atas kesudian MAPIM untuk menjadikan Universiti Malaysia Perlis atau UniMAP sebagai tuan rumah penganjuran mesyuarat kali ini. Tidak terlewat rasanya untuk saya mengalu-alukan kunjungan YBhg Dato'/Prof/Tuan/Puan ke Universiti Malaysia Perlis dengan ucapan Selamat Datang.

Hadirin hadirat yang saya muliakan,

UniMAP berbangga kerana berpeluang menjadi tuan rumah Mesyuarat MAPIM yang kini berada di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). MAPIM kini dianggotai oleh 25 institusi meliputi institusi pengajian tinggi awam, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), MARDI, MPOB, Institut Terjemahan Negara, ISTAC, INTAN dan IKIM. Semenjak ditubuhkan secara rasmi pada 22 Mei 1997, MAPIM telah bergiat aktif dalam usaha memertabatkan penerbitan ilmiah dan saintifik di Malaysia melalui pembinaan infrastruktur penerbitan ilmiah, khususnya dalam aspek dasar, kewangan, struktur, editorial, pengeluaran, pemasaran dan latihan. Kesenambungan peranan MAPIM ini dipamerkan melalui iltizam penganjuran pertemuan dan platform perkongsian maklumat dalam bentuk mesyuarat majlis, bengkel, penerbitan wacana dan penganjuran seminar penerbitan ilmiah. Malahan, MAPIM merupakan satu-satunya gabungan para penerbit buku ilmiah yang ada di Asia Tenggara.

Hadirin hadirat yang saya hormati,

Penerbitan ilmiah melalui buku, jurnal dan prosiding seminar merupakan sumbangan penting institusi pendidikan dan pembelajaran kepada masyarakat penyelidik, kelompok massa dan negara. Institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidik bertanggung jawab menyebarkan dapatan penyelidikan untuk pembangunan ilmu dan pembangunan negara. Kekuatan penerbitan ilmiah merupakan indikator yang mempamerkan impak serta kualiti penyelidikan institusi pengajian tinggi seluruh dunia.

Kita sedar akan kepentingan petunjuk prestasi ini yang menjadi elemen pengukuran penarafan universiti melalui SETARA, THES atau Shanghai Jiao Tong. Kini, cabaran yang dihadapi oleh Penerbit Universiti khususnya dan Universiti umumnya ialah untuk menggalakkan ahli akademik menulis dan menyebarkan hasil penemuan melalui jurnal ilmiah.

Hadirin sekalian,

Perkembangan teknologi maklumat menyumbang kepada peningkatan keupayaan menyebarkan penemuan penyelidikan melalui penulisan ilmiah. Keserasian format elektronik masih hebat dibincangkan oleh para ilmuan, penyelidik dan pembaca. Kita masih berbincang sama ada bahan elektronik boleh mengisi peranan yang dimainkan oleh bahan monograf semenjak berabad lalu. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan penerbitan elektronik kini mendapat tempat bagi pencari dan pengguna maklumat terutama komuniti penyelidik. Kajian oleh Tenopir pada tahun 2005 menunjukkan dua pertiga (2/3) daripada sumber maklumat yang dirujuk oleh para saintis merupakan sumber elektronik. Komuniti penyelidik kini petah memanfaatkan *features* nilai tambah yang ditawarkan oleh sumber elektronik seperti keupayaan membuat pencarian, memaparkan dokumen teks penuh malahan memuat turun data dan menyimpan maklumat.

Perkembangan sumber elektronik seperti jurnal dan buku elektronik kini memberi suntikan kepada cara gaya masyarakat dunia memanfaatkan bahan-bahan penerbitan dari dalam dan luar negara. Industri penerbitan dan penerbit komersil dilihat menggunakan kemajuan Internet sebagai peluang untuk meluaskan edaran penerbitan ilmiah ke seluruh dunia. Kini, sumber elektronik ini ditawarkan kepada masyarakat penyelidik, institusi pendidikan dan pembelajaran melalui laman web perpustakaan yang menawarkan jaminan akses 24 jam sehari.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian

Berapakah bilangan jurnal elektronik yang kini ditawarkan oleh penerbit di seluruh dunia? Kajian oleh Harter dan Hak Joon Kim menunjukkan hanya 131 jurnal berwasit ditawarkan dalam format elektronik pada tahun 1996. Selepas 10 tahun, kajian oleh Carol Tenopir menunjukkan para pembaca kini berupaya megakses 14, 338 jurnal

berwasit melalui Internet. Analisa perbandingan menunjukkan 62% jurnal berwasit kini berada dalam format elektronik berbanding 38% yang masih kekal dalam format bercetak. Di Malaysia, kajian oleh Zainab Awang Ngah pada tahun 2005 menunjukkan hanya terdapat 13 jurnal elektronik yang menawarkan kandungan tempatan atau *local contents*. Angka ini mungkin kecil jika dibandingkan oleh bilangan jurnal dan majalah yang diterbitkan di seluruh dunia iaitu menjangkau 120,000 judul. Walau bagaimanapun, hasil unjuran menunjukkan menjelang tahun 2016, 50% daripada jurnal ilmiah hanya akan diterbitkan dalam format elektronik sahaja.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sudah tiba masanya MAPIM melihat dengan serius peluang dan cabaran untuk menghasilkan penerbitan elektronik secara bersepadu. Pastinya laman web penerbit seperti Oxford University Press (OUP) atau Konsortium penerbit ilmiah JSTOR boleh dijadikan model pembangunan perkhidmatan atas talian untuk penerbit ilmiah di Malaysia. Pembangunan info struktur ini pasti meningkatkan keberkesanan MAPIM dalam menyebarkan penerbitan ilmiah Malaysia kepada masyarakat Malaysia dan dunia. Walau bagaimanapun, cabaran hebat yang masih relevan untuk ditangani oleh MAPIM dan penerbit ilmiah ialah usaha untuk menggalakkan aktiviti penulisan berkualiti, berimpak tinggi dan dirujuk (cited) oleh penyelidik di dalam dan luar negara. Untuk tujuan ini, kita percaya MAPIM akan meneruskan usaha mencapai objektif kewujudannya dan merancang secara proaktif untuk menghadapi cabaran dalam aspek penerbitan ilmiah.

Hadirin hadirat yang saya muliakan,

Saya percaya, MAPIM juga telah mengambil kira cabaran pergerakan penerbitan *Open Access* atau OA melalui pelbagai *platform* dan perisian yang ditawarkan secara percuma. Isu *open access* ini telah dibincangkan secara meluas oleh para pemegang taruh seperti penerbit komersil, para penyelidik, pengguna Internet dan perpustakaan akademik terutamanya. *Open Access* menggalakkan para ilmuan menerbitkan hasil tulisan melalui inisiatif *self-archiving*, tanpa perlu melalui tapisan suntingan malahan mempercepatkan tempoh berkongsi hasil penyelidikan dengan kaedah yang mudah. Bagaimana MAPIM bersedia dan merancang untuk menghadapi situasi ini di Malaysia? Bagaimana MAPIM boleh memainkan peranan berkesan untuk memastikan

penerbitan ilmiah di Malaysia walau dalam apa bentuk pergerakan sekalipun masih mengutamakan kualiti melalui kualiti suntingan dan proses *peer review*.

Hadirin hadirat yang saya kasihi sekalian,

UniMAP amat berharap agar pertemuan Majlis MAPIM pada 6 April 2007 akan berjalan dengan jayanya dan YBhg Dato'/Prof/Tuan/Puan akan menikmati hospitality yang disediakan oleh pihak kami. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Tuan Rumah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia yang telah membuat perancangan rapi sebagai tuan rumah Mesyuarat MAPIM. Dengan visi dan misi mampan MAPIM, kita menaruh kepercayaan prestasi penerbitan ilmiah di Malaysia akan terus berkembang, berdaya saing dan menyumbang kepada pembangunan ilmu dan disiplin ilmu dunia.

Sekian, terima kasih.